

Headline **Rumah kosong sarang penagih**
Date **19 Jan 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **673 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **17,711**
PRValue **53,133**



Rumah kosong sarang penagih

Bangunan terbiar di Taman Permas Jaya jadi tempat kegiatan tak bermoral

Mahani Ishak

JOHOR BAHRU: Penduduk Taman Permas Jaya di sini, bimbang apabila sebuah bilik gerakan sebuah parti politik yang jarang digunakan bagi aktiviti masyarakat kini dijadikan pusat penagihan dadah sejak dua tahun lalu.

Kegiatan yang dipercayai didalangi orang luar itu meningkatkan kerisauan penduduk yang takut anak mereka akan terdedah dengan penyalahgunaan dadah.

Keadaan bertambah buruk apabila penagih turut menjadikan bangunan terbengkalai lain di sekitar kawasan itu tempat mereka melepaskan gian selain mereka juga semakin berani menjadikan pokok di situ sebagai tempat berteduh dengan meletakkan tilam terpakai.

Penduduk, Syed Nunci, 48, berkata persekitaran bangunan yang digunakan penagih itu membahayakan keselamatan penduduk kerana penagih sengaja menaburkan serpihan kaca bagi menghalang penduduk mendekati sarang penagihan mereka.

"Sebenarnya penagih dapat menjangkakan kehadiran penduduk yang bertugas menerusi program Rukun Tetangga (RT), jadi mereka akan menabur serpihan kaca di sekeliling bangunan bertujuan mencederakan pendu-

duk yang mahu menyerbu markas mereka selain keadaan agak gelap kerana tidak diterangi cahaya lampu.

"Penduduk bernasib baik kerana pasukan RT sentiasa melakukan tugas rondaan, sekurang-kurangnya ia berjaya membendung kegiatan pecah rumah dan kecurian.

"Namun, kewujudan golongan penagih itu perlu dibersihkan kerana dikhuatiri akan menimbulkan masalah lain sekiranya bangunan ter-

bengkalai itu tidak dipulihkan segera," katanya.

Katanya, situasi itu perlu ditangani secara kolektif dengan menggabungkan kerjasama penduduk dengan mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan dengan lebih kerap selain mengharapkan kerjasama pihak polis untuk menempatkan anggotanya bagi kawalan keselamatan lebih terjamin.

LIHAT MUKA 2

“Masalah ini timbul bukan kerana penduduk tidak bergotong-royong tetapi kerana pemilik meninggalkan bangunan dan dibiarkan kosong sejak sekian lama”

Mohd Said Budin
Timbalan Ketua UMNO
Cawangan Taman
Permas Jaya

Gotong-royong lebih kerap pulihkan imej tercemar

DARI MUKA 1

Timbalan Ketua UMNO Cawangan Taman Permas Jaya, Mohd Said Budin menyasarkan usaha perlu dilakukan bagi memulihkan bangunan terbengkalai itu dengan mengadakan bergotong-royong lebih kerap untuk memulihkan imej yang tercemar, selain memadamkan tanggapan negatif penduduk terhadap pemimpin setempat.

"Masalah ini timbul bukan kerana penduduk tidak bergotong-royong tetapi masalah berlanjutan kerana pemilik

Headline **Rumah kosong sarang penagih**
Date **19 Jan 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **673 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **17,711**
PRValue **53,133**

bangunan meninggalkan bangunan mereka hingga menjadi tempat tinggal penagih berikutan dibiarkan kosong sejak sekian lama.

"Ini tidak termasuk kerosakan kereta di bahu jalan sehingga empat tayarnya hilang mungkin akibat dicuri kerana dibiarkan lama di situ tanpa dikunci.

"Menegenai bilik gerakan itu, jawatankuasa kampung perlu proaktif dengan menggunakan bangunan terbabit seba-

gai pusat aktiviti masyarakat kerana peruntukan digunakan membina bangunan akan lebur kerana sebilangan penduduk masih menggunakan balai raya lama untuk menggerakkan sebarang aktiviti," katanya.

Katanya, keadaan itu bukan saja mencemarkan imej taman perumahan terbabit tetapi menjadi tempat permulaan gejala negatif terhadap remaja kerana terdedah dengan penagihan dadah.


Sementara itu, penagih

yang hanya mahu dikenali, Bai, 27, berasal dari Pontian serta penghidap HIV positif, berkata beliau mendiami bilik gerakan itu hampir dua tahun lalu selepas mendapati tempat itu kosong.

"Saya mengetahui bangunan ini kosong daripada rakan penagih lain sebelum mengambil keputusan tinggal di sini bersama tiga rakan lain kerana tiada tempat lain untuk dituju.

"Kadang-kala ada juga

penagih lain yang datang berpasangan melepaskan gian di sini, tetapi sepanjang kami di sini, kami tidak pernah mengganggu penduduk setempat," katanya.



Headline **Rumah kosong sarang penagih**
Date **19 Jan 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **673 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **17,711**
PRValue **53,133**



MAHANI ISHAK BERITA HARIAN

PENAGIH menjadikan bawah pokok sebagai tempat berteduh di Taman Permas Jaya.